

23/07/1999

Bahaya orientalis bertapak semula

Al Azzharri Siddiq Hj. Kamundri

SAYA prihatin terhadap ucapan, cadangan, dan propaganda Datuk Dr Harun Din untuk mengeluarkan Perlis dari Malaysia. (Laporan Berita Minggu 10 Julai 1999). Perlis adalah sebuah wilayah dalam Persekutuan Malaysia yang berdaulat dan merdeka. Sebarang usaha, cadangan, ucapan, dan propaganda sedemikian hanya membuka ruang kepada musuh negara untuk meranapkan perpaduan dan keselamatan negara sejak tragedi 13 Mei 1969 yang tidak ternilai harganya.

Memandangkan penceramah dikenali tokoh agama dan akademik, ucapan itu telah menjadi progaganda dan secara halus merangsang semangat anasir subversif untuk memporak-perandakan keharmonian hidup masyarakat majmuk, menghilangkan rasa hormat rakyat kepada undang-undang dan perlembagaan negara, menanam semangat benci kepada kerajaan dan Raja-raja Melayu, malah mempunyai elemen tragedi mengeluarkan Sabah dan Malaysia (1989).

Sebagai rakyat Malaysia, saya menentang keras sebarang usaha mendesak dan mengapi-apikan rakyat ke arah perpecahan negara kita. Malaysia sebuah negara demokratik dan berperlembagaan, dan hendaklah diurus tidak dengan cara revolusi.

Kita hendaklah peka bahawa suntikan maut fundamentalis dan orientalis asing untuk menghancurkan-leburkan bangsa dan agama kita tidak pernah berhenti. Mereka sentiasa menunggu, merancang, mencari ruang sesempit mana pun demi menyuntik pil kebencian rakyat kepada Raja-raja Melayu dan kerajaan yang telah dipilih rakyat. Ini tidak mustahil kerana jemaah Qadiani di Pakistan dalam al-Arqam telah membuktikannya. Nampaknya Dr Harun secara tidak sedar membuka ruang kepada fundamentalis dan orientalis untuk bernafas semula di Malaysia.

Saya teringat surat As Syahid Maulana Abul A'la Maududi kepada Maryam Jameelah pada 1961 dahulu, bahawa usah terpedaya dengan personaliti Islamik seseorang kerana itu tidak menjamin dia benar-benar Islamik berpandukan al Quran dan al-Hadis.

Menurut Maulana Maududi, Mohamad Assad yang menulis Islam at the Cross-road dan Dr Wilfred Cantwell Smith penulis Islam in modern history, dua tokoh berwajah Islamik tetapi adalah dalang orientalis yang tidak disedari Islam. Rakyat dan kerajaan hendaklah peka dan bertindak tegas terhadap pemimpin yang tidak menyedari diri mereka dieksploit secara halus untuk menghancurkan negara kita.

Sepatutnya, jika mereka mempunyai nawaitu ikhlas untuk menegakkan syariat Islam di antero benua ini, tidak perlu menghasut rakyat untuk berevolusi dengan menuduh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Yahudi, Nasrani, atau pun kafir sebagaimana orang Quraisy zaman jahiliah. Tidak bolehkah berdakwah dengan bijaksana sebagaimana As Syahis Hassan Al Banna, Syed Qutb, atau Maulana Maududi sendiri, walaupun mereka telah tiada tetapi idealisme dan perjuangan mereka diteruskan oleh generasi terkini.

Tindakan mencemuh dan menghina peribadi dan keluarga Perdana Menteri (seperti buku SHIT) samalah maksudnya menghina Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu sebagai institusi yang menaungi majlis eksekutif, legislatif, dan jurisdiktif negara. Mereka semua patut dihukum melalui undang-undang negara.

Saya mencabar Dr Harun sebagai rakyat Malaysia berjiwa Melayu tulen, sekiranya tidak mampu menghormati perlembagaan negara agar memohonlah kerakyatan negara lain yang beliau fikir sesuai. Atau, carilah pulau-pulau di muka bumi Allah ini untuk dibeli dan buatlah kerajaan dan negara Islam

tulen dalam tempoh 24 jam.

Jika beliau mampu melakukannya. Pada fikiran saya, beliau tidak lagi layak memakai nama Malaysia kerana ucapannya menunjukkan beliau tidak lagi mendaulatkan negara. Perlis bukan milik Dr Harun. Perlis milik rakyat Malaysia, dan kita wajib mempertahankan walau sekangkang kera sebagaimana kita memperjuangkan Pulau Layang-Layang Pulau Ligitan, Pulau Sipdan, Pulau Batu Putih dan Kepulauan Spratly milik negara.